# GERBANG PERKHIDMATAN DALAM TALIAN KERAJAAN (GOS GATEWAY)

## Manual Pengguna

## MyTawaran

BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU),**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Februari 2021**

## Isi Kandungan

1 Pengenalan ... 3
1.1 Tujuan ... 3
1.2 Struktur Manual Pengguna ... 4
2 Capaian Perkhidmatan MyTawaran ... 6
2.1 Permohonan Pendaftaran Iklan ... 7
2.2 Semakan Status Permohonan ... 17
2.3 Kemas Kini Permohonan ... 21
2.4 Padam Permohonan/Iklan ... 28
2.5 Batal Permohonan/Iklan ... 30
2.6 Carian Iklan ... 32
2.7 Tetapan Peringatan Iklan ke Kalendar ... 34

Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

## 1 Pengenalan

**MyTawaran** merupakan satu kemudahan kepada pengiklan yang dilantik di agensi sektor awam sebagai penyedia maklumat tawaran untuk mengiklankan atau menawarkan program/kursus/latihan/perkhidmatan agensinya di Portal MyGovernment. Manakala pelanggan pula boleh melihat iklan yang disiarkan di Portal MyGovernment berdasarkan kategori seperti program, kursus dan perkhidmatan dan sebagainya.

- **Program**
  Iklan yang melibatkan susunan acara atau aktiviti dalam jangka masa yang panjang. Contohnya Program Hari Bertemu Pelanggan.

- **Kursus**
  Iklan yang melibatkan susunan acara atau aktiviti dalam jangka masa yang pendek. Contohnya Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi Dan Keluarga Berlandaskan Syariah

- **Perkhidmatan**
  Iklan yang melibatkan jenis perkhidmatan atau servis yang ditawarkan kepada orang ramai. Contoh sewaan dewan seminar.

### 1.1 Tujuan

Tujuan manual pengguna ini disediakan adalah sebagai panduan kepada pengiklan bagi perkhidmatan **MyTawaran** supaya dapat memahami dan menggunakan perkhidmatan ini dengan lebih mudah.

Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

## 1.2 Struktur Manual Pengguna

Struktur manual pengguna ini adalah seperti yang berikut:





Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

| Para | Topik | Keterangan |
|---|---|---|
| 2.0 | Capaian Perkhidmatan MyTawaran | Capaian kepada perkhidmatan MyTawaran oleh pengiklan melalui Portal MyGovernment |
| 2.1 | Permohonan Pendaftaran Iklan | Panduan membuat permohonan pendaftaran iklan |
| 2.2 | Semakan Status Permohonan | Panduan membuat semakan status permohonan pendaftaran iklan |
| 2.3 | Kemas Kini Permohonan | Panduan mengemaskini permohonan yang telah disimpan sebagai draf atau mengemaskini permohonan yang tidak lengkap sebelum menghantar permohonan |
| 2.4 | Padam Permohonan/Iklan | Panduan untuk memadam permohonan/iklan yang telah direkodkan |
| 2.5 | Batal Permohonan/Iklan | Panduan untuk membatalkan permohonan/iklan yang telah dibuat |
| 2.6 | Carian Iklan | Panduan membuat carian iklan yang telah diluluskan melalui pautan perkhidmatan MyIklan |
| 2.7 | Tetapan Peringatan Iklan ke Kalendar | Panduan Tetapan Peringatan iklan ke Kalendar |

Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

## 2 Capaian Perkhidmatan MyTawaran

Seksyen ini menerangkan panduan capaian kepada perkhidmatan **MyTawaran** beserta panduan penggunaan secara terperinci. Perkhidmatan ini boleh dicapai oleh pengguna sebagai pengiklan dan pelanggan di Portal MyGovernment.

Skrin laman utama Portal MyGovernment adalah seperti berikut:-




i. Klik ikon MyTawaran , skrin seperti berikut akan dipaparkan:-





Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

## 2.1 Permohonan Pendaftaran Iklan

Permohonan pendaftaran iklan boleh dibuat oleh pengiklan setelah **berjaya Log Masuk** ke Portal MyGovernment.

i. Klik ikon untuk memulakan pendaftaran iklan, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




ii. Klik pautan **Borang** pada seksyen **MyTawaran**,

iii. Klik [**Ya**] untuk membuat permohonan iklan; atau


Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

iv. Klik [**Tidak**] untuk kembali ke laman utama, Skrin seperti berikut akan dipaparkan:-






v. Pilih **Kategori** melalui senarai *dropdown*;

vi. Masukkan **Tajuk Iklan**;

**Nota:** Tajuk iklan tidak boleh melebihi 50 aksara.

vii. Klik [**Muat Naik Fail**] untuk muat naik imej iklan;

**Nota:**

1) Pengiklan perlu muat naik sekurang-kurangnya 1 imej;
2) Saiz maksima bagi fail imej yang dimuat naik adalah 1 MB bagi setiap fail.
3) Format fail yang dibenarkan untuk dimuat naik adalah .jpg, .jpeg dan .png sahaja.

viii. Klik [**Simpan**] untuk menyimpan draf permohonan, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




atau;

ix. Klik [**Seterusnya**], skrin seperti berikut akan dipaparkan:-





Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara





Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara




x. Pilih **Tarikh dan Masa Program** melalui kalendar yang tertera;

xi. Masukkan **Keterangan Program**, alamat **Lokasi Program**, **Maklumat untuk Dihubungi**, **Pegawai untuk Dihubungi** dan **Alamat Penganjur Syarikat**;

**Nota:**

1) Pengiklan akan hanya dibenarkan untuk memohon kemasukan iklan sekurang-kurangnya 5 hari sebelum Tarikh Mula Iklan dan sistem tidak boleh membenarkan pengiklan memasukkan tarikh sebelum ianya dibenarkan.

**Contoh**

Tarikh Hari Ini (Tarikh Permohonan Ingin Dibuat): 1 Jun 2020

Tarikh Mula Iklan: 6 Jun 2020 dan ke atas


Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

2) Bagi **kategori iklan program dan kursus**, **tarikh tamat iklan adalah sama dengan tarikh tamat program atau kursus**.

3) Bagi **kategori perkhidmatan**, pengiklan hanya perlu **memasukkan tarikh mula dan tamat iklan, keterangan perkhidmatan/servis, lokasi perkhidmatan/servis, maklumat untuk dihubungi, pegawai untuk dihubungi dan alamat penganjur/syarikat**. Manakala t**arikh tamat iklan adalah 30 hari selepas tarikh mula iklan secara *default* dan boleh dikemas kini**.

xii. Tandakan ☑ untuk membuat perakuan;


Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

xiii. Klik [**Papar**] untuk semakan maklumat iklan, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




xiv. Klik [**Kembali**] untuk ke skrin sebelumnya; atau

xv. Klik [**Hantar**], skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




xvi. Klik [**Ya**], untuk meneruskan permohonan, skrin seperti berikut akan dipaparkan; atau

xvii. Klik [**Tidak**] untuk kembali ke skrin paparan iklan;




xviii. Tutup mesej dan ***Dashboard*** **MyTawaran** akan dipaparkan seperti berikut:-




Pentadbir MyTawaran akan menerima dan memproses permohonan. Status permohonan akan dipaparkan sebagai **Dalam Proses** di ***Dashboard*** **MyTawaran**.


Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

Pengiklan akan menerima e-mel seperti berikut:-

Contoh e-mel:





Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

## 2.2 Semakan Status Permohonan

Setelah permohonan disimpan sebagai draf atau berjaya dihantar, pengiklan boleh membuat semakan melalui ***Dashboard*** **MyTawaran**.

Skrin berikut akan dipaparkan setelah pengiklan berjaya log masuk:-




i. Klik ikon , skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

ii. Klik pautan **Permohonan** pada seksyen **MyTawaran**, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




iii. Untuk membuat semakan, carian boleh dibuat melalui ruangan tapisan carian seperti skrin di atas;

iv. Pilih **Kategori** dan/atau **Status Permohonan**; dan/atau

v. Masukkan **Nombor Permohonan**; dan/atau

vi. Pilih **Tarikh Mula Iklan** dan/atau **Tarikh Akhir Iklan** melalui kalendar yang tertera;

vii. Klik [**Carian**], hasil carian akan dipaparkan seperti skrin berikut; atau

viii. Klik [**Set Semula**] untuk mengisi semula maklumat carian;


Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara




Berikut merupakan status permohonan iklan yang akan dipaparkan beserta tindakan yang boleh dilakukan oleh pengiklan:-

| Bil. | Status Permohonan | Keterangan | Tindakan Pengiklan |
|---|---|---|---|
| 1. | Draf | Permohonan telah disimpan sebagai deraf dan masih belum diterima oleh pentadbir MyTawaran | i. Padam rekod permohonan<br>ii. Kemas kini permohonan |
| 2. | Dalam Proses | Permohonan masih dalam proses | i. Papar borang permohonan<br>ii. Batal permohonan |
| 3. | Lulus | Permohonan telah diluluskan | i. Papar iklan<br>ii. Batal iklan |
| 4. | Tidak Lulus | Permohonan telah ditolak | i. Papar borang beserta catatan permohonan yang tidak diluluskan<br>ii. Padam rekod permohonan |


Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

| Bil. | Status Permohonan | Keterangan | Tindakan Pengiklan |
|---|---|---|---|
| 5. | Perlu Dikemaskini | Permohonan telah disemak oleh pentadbir tetapi perlu dikemas kini oleh pengiklan | i. Papar dan kemas kini borang berdasarkan catatan pentadbir seterusnya menghantar semula permohonan untuk kelulusan<br>ii. Batal permohonan |
| 6. | Batal oleh Pengiklan | Permohonan telah dibatalkan oleh pengiklan | i. Papar rekod permohonan<br>ii. Padam rekod permohonan |
| 7. | Batal oleh Pentadbir MyTawaran | Permohonan telah dibatalkan oleh pentadbir MyTawaran | i. Papar rekod permohonan<br>ii. Padam rekod permohonan |
| 8. | Terbatal | Permohonan telah terbatal secara automatik oleh kerana tiada pengemaskinian dibuat oleh pengiklan dalam tempoh 3 hari selepas pengesahan permohonan | i. Papar rekod permohonan<br>ii. Padam rekod permohonan |
| 9. | Tamat | Tarikh akhir paparan iklan telah tamat | i. Papar rekod permohonan<br>ii. Padam rekod permohonan |

Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

## 2.3 Kemas Kini Permohonan

Permohonan boleh dikemas kini oleh pengiklan sekiranya status permohonan adalah **Deraf** dan **Perlu Dikemaskini**. Bagi permohonan yang berstatus **Perlu Dikemaskini**, pengiklan perlu mengemas kini permohonan dalam tempoh 3 hari selepas menerima semula permohonan yang tidak lengkap daripada pentadbir MyTawaran. Sekiranya tiada pengemaskinian dibuat oleh pengiklan selepas 3 hari daripada tarikh diterima, status permohonan akan bertukar menjadi **Terbatal**. Pengiklan tidak lagi dibenarkan untuk mengemaskini permohonan tersebut.

Lakukan semakan permohonan seperti langkah pada **2.2 Semakan Status Permohonan**, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

i. Klik ikon  untuk mengemaskini permohonan, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




ii. Kemas kini **Maklumat Asas** yang diperlukan;


Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

iii. Klik [**Seterusnya**], skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara




iv. Kemas kini **Maklumat Lanjut** yang diperlukan;

v. Tandakan  untuk membuat perakuan;

**Nota:** Perakuan hanya perlu dibuat pada permohonan baharu/permohonan yang masih dalam status **Deraf**.

vi. Klik [**Simpan**] untuk menyimpan draf permohonan; atau

vii. Klik [**Papar**] untuk semakan paparan iklan, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




viii. Klik [**Kembali**] untuk ke skrin sebelumnya; atau


Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

ix. Klik [**Hantar**], skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




x. Klik [**Ya**], untuk meneruskan permohonan, skrin seperti berikut akan dipaparkan; atau

xi. Klik [**Tidak**] untuk kembali ke skrin paparan iklan;




xii. Tutup mesej dan ***Dashboard*** **MyTawaran** akan dipaparkan seperti berikut:-



Pentadbir MyTawaran akan menerima dan memproses permohonan. Status permohonan akan dipaparkan sebagai **Dalam Proses** di ***Dashboard*** **MyTawaran**.

Pengiklan akan menerima e-mel seperti berikut:-

Contoh e-mel:



Status Permohonan Iklan / Ad Application Status: Jom Masuk IPT Inbox ×

mygov-stg@portal.gov.my
to me
12:20 PM (14 minutes ago)

Iklan anda sedang disemak oleh kami.
Kami akan maklumkan status permohonan iklan anda secepat mungkin.

Terima Kasih

Your ad is now being confirmed by our ad checking team.
We'll update your ad application status as soon as possible.

Thank You

Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

## 2.4 Padam Permohonan/Iklan

Pengiklan boleh memadam rekod permohonan/iklan bagi status berikut:-

a. Draf;
b. Batal oleh Pengiklan;
c. Batal oleh Pentadbir MyTawaran;
d. Terbatal;
e. Tidak Diluluskan; dan
f. Tamat.

Lakukan semakan permohonan seperti langkah pada **2.2 Semakan Status Permohonan**, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




i. Klik ikon  untuk memadam rekod permohonan/iklan, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




ii. Klik [**Ya**], skrin seperti berikut akan dipaparkan; atau


Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

iii. Klik [**Tidak**] untuk kembali ke skrin sebelumnya;




Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

## 2.5 Batal Permohonan/Iklan

Pengiklan boleh membatalkan permohonan/iklan bagi status berikut:-

a. Dalam Proses;

b. Lulus; dan

c. Perlu Kemas Kini.

Lakukan semakan permohonan seperti langkah pada **2.2 Semakan Status Permohonan**, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




i. Klik ikon ✖ untuk membatalkan permohonan/iklan, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-





Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

ii. Masukkan **Sebab** pembatalan;

iii. Klik [**Hantar**], skrin seperti berikut akan dipaparkan; atau

iv. Klik [**Tutup**] untuk kembali ke skrin sebelumnya;





Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

## 2.6 Carian Iklan

Carian iklan boleh dicapai oleh semua kategori pengguna sebagai pelanggan tanpa perlu log masuk ke Portal MyGovernment.

Skrin laman utama Portal MyGovernment adalah seperti berikut:-




i. Klik ikon MyIklan , skrin seperti berikut akan dipaparkan:-



ii. Pilih **Negeri** dan/atau **Kategori** melalui senarai *dropdown*; dan/atau

iii. Masukkan **Kata Kunci Carian**;

iv. Klik [**Cari**], skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




v. Klik [**LEBIH LANJUT**] untuk memaparkan iklan secara terperinci, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-





Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

## 2.7 Tetapan Peringatan Iklan ke Kalendar

Pelanggan boleh menambah iklan ke kalendar untuk peringatan pada tarikh kursus, program atau perkhidmatan yang telah diiklankan di portal MyGovernment.

i. Ulangi langkah carian iklan. Rujuk **2.6 Carian Iklan** untuk panduan lanjut. Skrin iklan terperinci akan dipaparkan seperti berikut:-




ii. Klik [**Tetapan Peringatan**], skrin seperti berikut akan dipaparkan:-





Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara

iii. Tandakan ☐ sekiranya pelanggan perlu peringatan pada iklan yang dipilih;

iv. Masukkan **Tempoh** hari peringatan sebelum tarikh mula program/kursus/perkhidmatan;

**Nota:** Peringatan hanya boleh dibuat sebelum sebarang program/kursus/perkhidmatan berlangsung.

v. Klik [**Simpan Tetapan Peringatan**], skrin seperti berikut akan dipaparkan; atau

vi. Klik [**Batal**] untuk kembali ke paparan iklan;




vii. Untuk menyemak iklan yang telah dimasukkan ke dalam Kalendar, klik ikon  seperti skrin berikut:-



Senarai menu pada profil akan dipaparkan seperti skrin berikut:-




viii. Klik **Kalendar**, skrin seperti berikut akan dipaparkan:-




Iklan akan dipaparkan di kalendar pada tarikh program/kursus/perkhidmatan berlangsung.


Copyright @ 2019 – 2021 MAMPU
Hak Cipta Terpelihara